

19/10/2003

KL gesa Apec tidak melenting tangani isu

Khaidir Abdul Majid; Zainab Mohd Yatim

BANGKOK: Malaysia menggesa anggota forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) agar tidak 'cepat melenting' apabila sesuatu isu timbul, seperti penularan penyakit Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) awal tahun ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata anggota Apec sebaliknya harus mengambil perspektif yang lebih luas dan bekerjasama menangani isu itu.

Beliau berkata, ketika penyakit SARS mula menular di beberapa negara awal tahun ini, sesetengah anggota Apec bertindak mengeluarkan amaran perjalanan.

"Langkah yang diambil tanpa usul periksa tidak membantu, malah menjejaskan ekonomi anggota Apec yang terbabit dengan kejatuhan kedatangan pelancong dan juga perdagangan," katanya kepada wartawan Malaysia di sini selepas menghadiri mesyuarat peringkat Menteri Apec ke-15 (AMM), di sini semalam.

AMM dua hari berkenaan yang berakhir semalam bertujuan membuat persediaan terhadap agenda yang akan dibincangkan pada mesyuarat dua hari peringkat pemimpin Apec bermula esok yang turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Rafidah berkata, sikap lekas melenting itu turut dilihat dalam isu senjata Sistem Pertahanan Udara Bergerak (Manpads) yang mahu diharamkan oleh Amerika Syarikat (AS) di rantau ini supaya ia tidak jatuh ke tangan pengganas.

AS berpendapat Manpads yang mudah digunakan oleh seorang pengendali, mengancam keselamatan pesawat tentera dan sivil.

Rafidah berkata, sesuatu isu itu perlu ditangani secara menyeluruh seperti mencari punca keganasan berlaku dan bukan dengan mendesak sesuatu tindakan diambil serta-merta.

Dalam hal ini, Malaysia berjaya mempengaruhi AMM yang bersetuju tidak memuatkan dalam kenyataannya sebarang pelan tindakan menangani isu Manpads.

"Setakat peringkat menteri, kita hanya akan meminta anggota Apec untuk memastikan pada peringkat domestik mereka mempunyai kawalan terhadap penggunaan senjata seperti Manpads," kata Rafidah.

AMM juga akan menggesa mesyuarat peringkat pemimpin mengeluarkan kenyataan yang tegas mengenai pentingnya penggunaan Manpads dikawal.

Mengenai cadangan agar proses Apec disusun semula, Rafidah berkata, Malaysia tidak bersetuju dengan penggunaan susun semula, sebaliknya mencadangkan Apec diperkukuhkan.

Katanya, perubahan terhadap proses Apec perlu dibuat dalam konteks perdagangan dan ekonomi.

"Perubahan proses Apec yang dicadangkan perlu memenuhi keperluan komuniti perniagaan Apec.

"Ia juga perlu memberi tumpuan semula terhadap isu asas seperti daya saing, program pemudah cara perdagangan dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan," katanya.

Apec dianggotai Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Filipina, Papua New Guinea, Russia, Peru, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand, AS dan Vietnam.